

Status UiTM kekal

Oleh Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan kerajaan tidak akan membuka Universiti Teknologi Mara (UiTM) kepada semua kaum.

Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak perlu dijadikan isu kerana kerajaan memang tidak pernah ada cadangan ke arah itu.

"Sekarang ini tidak ada cadangan," katanya ketika diminta mengulas cadangan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) supaya pusat pengajian itu dibuka kepada semua kaum.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Serantau Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa (UNI) - Pejabat Rantau Asia Pasifik (APRO) Yang Pertama, di Hotel Istana di sini, hari ini.

Ditanya adakah kerajaan tegas dalam hal itu (untuk tidak membuka UiTM-kepada bukan Bumiputera), beliau berkata;

"Tak tahulah...Saya tak tahu bila kerajaan tegas atau tidak tegas. Anda seharusnya boleh membuat penilaian sendiri," kata beliau.

Sebelum ini NUTP mencadangkan supaya institusi pengajian khas untuk Bumiputera seperti UiTM dibuka kepada semua kaum dengan penetapan kuota tertentu.

Presidennya, Tengku Habsah Tengku Petra, berkata sistem pendidikan negara perlu berubah selaras perubahan masa dan pembangunan ekonomi bagi menjamin pelajar, terutama Bumiputera mampu berdaya saing.

Semalam, Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Ibrahim Abu Shah, menolak saranan NUTP dan meminta kesatuan itu supaya tidak mengganggu urusan UiTM.

Sambil menegaskan UiTM tidak akan berkompromi dalam

soal itu, beliau berkata, status universiti itu sebagai satu-satunya institusi pengajian tinggi yang dikhaskan untuk Bumiputera perlu dikekalkan bagi menjamin keseimbangan dengan pembabitan golongan itu dalam bidang ekonomi dan sosial berbanding bangsa lain.

Katanya, cadangan NUTP itu tidak perlu kerana pelajar UiTM mampu berdaya saing tinggi walaupun tanpa kehadiran pelajar bukan Bumiputera dan hakikat itu terbukti dengan kejayaan graduan universiti itu menceburi pelbagai bidang profesional selepas tamat pengajian.

"Jangan kacau UiTM. Pengurusan UiTM tidak akan bersetuju dengan cadangan itu. Pemilihan pelajar UiTM juga berdasarkan sistem meritokrasi yang mana hanya pemohon dengan pencapaian akademik cemerlang saja diterima," katanya.

Akta UiTM 2000 jelas menyatakan institut pendidikan tinggi itu ditubuhkan untuk Bumiputera dengan merujuk kepada Perkara 153 perlembagaan negara mengenai kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak.

Sementara itu, Tengku Habsah ketika dihubungi hari ini berkata beliau tidak akan membuat sebarang kenyataan balas berhubung reaksi Dr Ibrahim menolak saranan kesatuan itu agar pusat pengajian itu dibuka kepada semua kaum.

Tengku Habsah enggan mengulas lebih lanjut, sebaliknya berkata: "Saya akan biarkan perkara itu begitu saja".

Sementara itu alumni UiTM yang juga ahli lembaga Pengarah universiti itu, Datuk Salleh Majid ketika dihubungi berkata, institusi pengajian tinggi itu tidak wajar dibuka kepada kaum lain memandangkan jumlah pelajar bukan Bumiputera di pusat pengajian tinggi tempatan dan di luar negara jauh lebih besar daripada pelajar Bumiputera.